

09/07/1998

Thatcher sokong pandangan PM

Azizi Othman in London

LONDON, Rabu - Bekas Perdana Menteri Britain, Margaret Thatcher berkongsi pandangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) perlu memperbaiki pengawasannya terhadap aliran modal antarabangsa bagi mengelak kejadian luar jangkaan daripada berulang.

Beliau berkata, amat mudah untuk memahami kekecewaan Dr Mahathir menyaksikan rekod pertumbuhan luar biasa ekonomi Malaysia tiba-tiba musnah akibat kegawatan ekonomi.

"Saya bersetuju bahawa Malaysia tidak sepatutnya menerima pukulan sehebat ini akibat kegawatan ekonomi yang melanda Asia," katanya berucap pada pelancaran buku Perdana Menteri, *The Way Forward* di sini.

*The Way Forward*, yang diterbitkan oleh Weidenfeld & Nicolson dipasarkan pada harga STG16 senaskhah (RM108) dan boleh didapati di semua kedai buku terkemuka di Britain, Malaysia dan Singapura, mulai esok.

Buku itu mengandungi lima esei Dr Mahathir yang mengetengahkan diskusi berhubung kejayaan dan kegagalan beberapa dasar kerajaan sejak Malaysia merdeka pada 31 Ogos 1957.

Secara khusus, lima esei itu membincangkan bagaimana Dasar Ekonomi baru (DEB) baru dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dirumuskan dalam usaha Malaysia menangani masalah utama pengagihan kekayaan negara.

Thatcher berkata, Malaysia tidak sepatutnya dilanda kegawatan kerana asas ekonominya mantap. Bagaimanapun, beliau yakin dengan dasar yang betul, Malaysia dan negara jiran dapat mengatasi masalah ekonomi sekarang dengan lebih pantas.

"Di bawah kepemimpinan Dr Mahathir dan timbalannya yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, perkara itu boleh dicapai secara menyeluruh dan memuaskan. Kita perlu ingat bahawa tidak seperti kebanyakan negara jirannya di Asia Tenggara, Malaysia tidak perlu mendapatkan bantuan IMF," katanya.

Beliau menyifatkan '*The Way Forward*' sebagai bahan bacaan yang baik dan membuktikan ketrampilan Dr Mahathir sebagai negarawan dunia ketiga yang disegani.

"Kejayaan beliau memajukan Malaysia bukan saja amat mengagumkan malah boleh dianggap sebagai satu daripada sejarah pencapaian paling cemerlang di dunia sepanjang separuh kedua abad ini.

Bekas Perdana Menteri Britain itu, yang lebih dikenali sebagai 'Wanita Besi' kerana kepemimpinannya, berkata beliau amat mengagumi Dr Mahathir atas apa yang dicapainya di Malaysia dan percaya mereka mempunyai banyak persamaan dalam beberapa perkara.

Ketika kepemimpinannya, penulis Britain gemar menyindir Thatcher mengenai beg tangannya yang dianggap senjata menggerunkan dalam gedung politiknya, satu perkara yang Thatcher sendiri jadikan bahan gurauan.

"Kami sama-sama percaya terhadap prinsip berterus-terang. Mujurlah Dr Mahathir seorang lelaki kerana dia juga amat berbahaya menggunakan beg tangan. Kami tidak lari daripada terbabit dalam kontroversi atau gentar untuk menghadapinya.

"Pemimpin yang suka mengambil hati tidak akan berjaya walaupun mereka boleh membuatkan rakyat berpuas hati sekurang-kurangnya untuk sementara," katanya.

Mengenai tahun kelahirannya yang sama dengan Dr Mahathir, Thatcher berkata: "Biar saya berkongsi satu rahsia dengan anda. Tahun 1925 adalah tahun terbaik untuk melahirkan perdana menteri."

Malaysia, katanya, adalah satu daripada cerita kejayaan bagi tempoh separuh kedua kurun ini, tetapi bukan semata-mata kerana ia kaya dengan sumber alam semula jadi.

"Begitu juga dengan kebanyakan negara lain termasuk, sebagai contoh, Russia. Ia memerlukan wawasan dan kepemimpinan untuk menukar hasil alam semula jadi kepada pertumbuhan pesat perindustrian dan perdagangan serta perusahaan bebas. Dr Mahathir mempunyai wawasan dan kepemimpinan yang melimpah ruah," katanya.

(END)